

JADUAL PEMBELIAN PRODUK ATILZE

20191008

Jadual Pembelian Produk Atilze adalah diperbadankan dan merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

Terma-terma berikut akan terpakai kepada pembelian Produk Atilze.

Melainkan dinyatakan secara jelas dalam Jadual ini, semua perkataan kapital akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

1. Penghantaran dan Risiko

- 1.1 Penghantaran oleh Atilze akan dianggap telah terjadi sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Perjanjian. Penghantaran Produk kepada Pelanggan hendaklah dilaksanakan berdasarkan dengan terma Perjanjian. Atilze berhak untuk melaksanakan penghantaran secara berperingkat dan invoice boleh dikeluarkan secara berasingan berdasarkan peringkat penghantaran.
- 1.2 Semua Pesanan yang dibuatkan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada stok yang sedia ada. Produk yang akan dihantar oleh Atilze kepada Pelanggan akan disenaraikan dalam Borang Pesanan. Tarikh penghantaran yang disetujui bukan tarikh muktamad, melainkan dinyatakan secara bertulis. Atilze akan menggunakan usaha terbaiknya untuk menyampaikan Produk tepat pada masanya.
- 1.3 Risiko Produk akan dipindahkan kepada Pelanggan selepas penghantaran seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.
- 1.4 Sekiranya penghantaran Produk atau mana-mana bahagiannya ditangguhkan, gagal, dan/atau tidak dapat dikuatkuasakan atas apa-apa faktor yang disebabkan oleh Pelanggan, Pelanggan tetap bertanggungjawab untuk memenuhi tanggungjawab pembayarannya. Dalam kes sedemikian, Produk akan disimpan atas perbelanjaan Pelanggan dan penghantaran akan dianggap telah terjadi pada tarikh Produk sedia untuk penghantaran dan semua risiko Produk akan dipindahkan kepada Pelanggan.
- 1.5 Jika Pelanggan membatalkan sebarang atau semua penghantaran berikutnya, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar Atilze sebarang kerosakan, kerugian atau perbelanjaan yang timbul daripada pembatalan tersebut.

2. Pemindahan Hak Milik

- 2.1 Hak milik sah kepada Produk akan kekal dengan Atilze sehingga Atilze telah menerima bayaran penuh Produk yang dibekalkan oleh Atilze kepada Pelanggan dan

semua jumlah lain yang tertunggak kepada Atilze di bawah Perjanjian, atau sebarang perjanjian lain.

2.2 Sehingga hak milik Produk telah dipindahkan: -

- (a) Atilze berhak untuk mengambil balik Produk yang dimiliki olehnya daripada Pelanggan, daripada Kenderaan, atau daripada pemilikan pihak ketiga. Pelanggan hendaklah memberikan segala bantuan yang diperlukan dalam process mengambil balik Produk dan akan berliabiliti untuk apa-apa kos yang munasabah berkaitan dengan process mengambil balik Product tersebut;
- (b) Atilze berhak untuk mendapatkan injunksi mahkamah untuk menghentikan Pelanggan daripada menjual, memindahkan atau melupuskan Produk; dan
- (c) Pelanggan hendaklah menyimpan atau menandakan Produk berkenaan harta Atilze supaya Produk tersebut boleh dikenalpasti sebagai harta Atilze.

3. Pemeriksaan dan Tuntutan

3.1 Pemeriksaan. Pelanggan bertanggungjawab untuk memeriksa, atau mengatur pemeriksaan, Produk yang akan dihantar, atau sekurang-kurangnya secepat mungkin selepas itu. Dalam hal ini Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa: (i) Produk yang betul telah dihantar; dan (ii) bahawa kuantiti yang dihantar memenuhi kuantiti yang ditetapkan dalam Borang Pesanan.

3.2 Produk yang rosak. Produk yang rosak mesti ditolak. Jika Produk yang rosak diterima daripada pengangkut, Pelanggan mesti memaklumkan pengangkut dengan segera sebelum pengangkut meninggalkan premis Pelanggan dan Atilze mesti dimaklumkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas penerimaan Produk supaya pemeriksaan dan kutipan Produk yang rosak boleh diaturkan. Semua ganti rugi perlu dinyatakan dalam pesanan penghantaran sebelum pengangkut meninggalkan premis Pelanggan. Pelanggan hendaklah memastikan Produk disimpan di dalam kotak asal dan dibungkus dengan utuh dan baik.

4. Caj dan Tempoh Pembayaran

4.1 Pelanggan dikehendaki membayar harga yang berkaitan untuk pembelian Produk selaras dengan Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

5. Penafian Jaminan

5.1 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan jelas, Produk ini adalah diasaskan secara 'sebagaimana adanya' ('as is'), dengan semua kekurangan. Pelanggan menanggung semua risiko dan liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaannya dan pergantungan kepada Produk. Atilze tidak membuat sebarang representasi atau jaminan apa-apa jenis, sama ada secara lisan atau bertulis, sama ada nyata atau tersirat, atau daripada segi undang-undang, adat, berurusan, perdagangan,

berkenaan dengan kualiti, prestasi, ketidak-pelanggaran, komercial utiliti, kebolehdagangan atau kesesuaian mana-mana Produk untuk tujuan tertentu.

- 5.2 Atilze menafikan sebarang jaminan kemahiran pekerja, keserasian kepada mana-mana kenderaan, atau perisian.
- 5.3 Atilze mengecualikan liabiliti di bawah Klausula ini.

6. Jaminan Terhadap

- 6.1 Atilze memberi jaminan terhadap pada Alatan tertentu yang dibeli. Kecuali dinyatakan secara jelas dalam Perjanjian, jaminan terhadap yang diberi tidak termasuk Aksesori. Versi Jaminan Terhadap yang terbaru boleh didapati di www.atilze.com.

7. Jaminan Lanjutan

- 7.1 Jaminan terhadap di bawah Klausula 6 akan berakhir pada penamatan tempoh jaminan. Sekiranya Pelanggan ingin melanjutkan jaminan terhadap yang dinyatakan bawah Klausula 6, Pelanggan boleh melanggan kepada Perkhidmatan Sokongan Jaminan Lanjutan. Apa-apa caj yang perlu dibayar untuk Perkhidmatan Sokongan Waranti Lanjutan tersebut akan dinyatakan dalam Borang Pesanan.

8. Bahasa Pentadbiran

- 8.1 Jadual ini merupakan satu penterjemahan versi Bahasa Inggeris dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

[baki halaman ini dengan sengaja dibiarkan kosong]